

07/09/2002

Bunyamin masuk hospital kerana muntah

BACHOK, Jumaat - Pegawai Penerangan Pas Kelantan, Bunyamin Yaacob, yang akan didakwa di mahkamah kerana kenyataan fitnahnya terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dimasukkan ke Hospital Kota Bharu (HKB), semalam kerana demam dan muntah.

Seorang anak perempuannya yang enggan disiarkan nama, ketika ditemui di rumahnya di Kampung Keting, Gunung, dekat sini, berkata ayahnya dihantar ke hospital semalam oleh seorang daripada isterinya yang tinggal di Kampung Bukit Marak dekat Kota Bharu.

"Ayah tak sihat dan berada di wad (di HKB). Dia demam dan muntah. Dia juga menghidap penyakit kencing manis," katanya.

Ketika ditanya sama ada pihak berkuasa (polis) ada datang ke rumahnya dalam tempoh satu dua hari ini, katanya, "tidak ada".

Ditanya sama ada tahu mengenai laporan akhbar (dakwaan akan dibuat terhadap ayahnya), dia berkata "tahu".

Akhbar hari ini melaporkan Pejabat Peguam Negara dalam satu kenyataan berkata, Pendakwa Raya berpuas hati dengan bukti bahawa Bunyamin jelas memfitnah Dr Mahathir, selepas mengkaji secara mendalam kertas siasatan yang dikemukakan polis.

Pada 15 Mac lalu, Bunyamin, 56, yang juga bekas Ahli Parlimen Bachok, ketika berceramah di Pusat Tarbiyah Islamiah Kelantan (Putik) Pengkalan Chepa, dilaporkan berkata Dr Mahathir menonton video lucu bersama cucu lelakinya, tetapi Perdana Menteri menyifatkan tuduhan itu satu pembohongan.